



8 September 2021
8 September 2021
P.U. (A) 357

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN
JOHOR (PELABUHAN PASIR GUDANG) (SKALA CAJ)
(PINDAAN) 2021

*JOHOR PORT AUTHORITY (PASIR GUDANG PORT)
(SCALE OF CHARGES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
(PELABUHAN PASIR GUDANG) (SKALA CAJ) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16, 17A dan 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Lembaga Pelabuhan Johor, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Pasir Gudang) (Skala Caj) (Pindaan) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 9 September 2021.

Pindaan undang-undang kecil 3

2. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Pasir Gudang) (Skala Caj) 2011 [*P.U. (A) 175/2011*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 3—

(a) dengan memasukkan selepas subperenggan (i) subperenggan yang berikut:

“(ia) dius Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga;”;

(b) dalam subperenggan (q)—

(i) dengan memotong perkataan “tambahan”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(c) dalam subperenggan (r), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subperenggan (r) subperenggan yang berikut:

“(s) caj pengendalian pindah kapal bagi Kontena DLU, kontena rosak atau kontena bukan berstandard ISO.”.

Pindaan undang-undang kecil 4

3. Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (2)(b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
- (b) dalam subperenggan (2)(c), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (2)(c) subperenggan yang berikut:

“(d) dius pelabuhan.”.

Pindaan undang-undang kecil 8

4. Perenggan 8(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperenggan 8(1)(b) dengan subperenggan yang berikut:
- “(b) menghimpit, meninggalkan himpitan atau menganjakkan sesuatu vesel di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga;”;
- (b) dalam subperenggan (c), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(ca) membantu atau menganjakkan sesuatu vesel bagi tujuan simpan tunggu;

(cb) membantu atau menganjakkan atau menghimpit, atau meninggalkan himpitan atau menunda atau mengiringi pelantar minyak, kapal mati, kapal yang drafnya melebihi 12 meter, kapal berbentuk tidak teratur atau lain-lain di dermaga Lembaga atau di jeti persendirian atau dalam Pelabuhan atau bagi tujuan simpan tunggu;

(cc) membantu atau menganjakkan atau menghimpit, atau meninggalkan himpitan atau menunda atau mengiringi semua vesel yang terlibat dalam urusan aktiviti penyelamatan; atau”.

Pindaan undang-undang kecil 11

5. Undang-undang kecil 11 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (1)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “penumpang” perkataan “di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga”;
- (b) dalam subperenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “atau suatu himpitan” dengan perkataan “, suatu himpitan atau mana-mana kawasan lain di dalam Pelabuhan kecuali dermaga Lembaga”; dan
- (c) dengan memotong perenggan (4) dan (5).

Undang-undang kecil baharu 12A

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 12 undang-undang kecil yang berikut:

“Dius Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga

12A. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar kepada Lembaga dius tempat berlabuh bagi sesuatu vesel di Tempat Berlabuh Diluluskan Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11A Jadual Pertama.”.

Pindaan undang-undang kecil 17

7. Undang-undang kecil 17 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “kenderaan” perkataan “(termasuk pemandu)”; dan
- (b) dalam subperenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “kargo” perkataan “(termasuk pemandu dan traktor terminal)”; dan
- (c) dalam subperenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “kontena” perkataan “(termasuk pemandu dan traktor terminal)”.

Pindaan undang-undang kecil 19

8. Undang-undang kecil 19 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)—
 - (i) dengan memotong perkataan “KMK” di mana-mana jua terdapat;
 - (ii) dengan memotong perkataan “KMP” di mana-mana jua terdapat;
 - (iii) dalam subsubperenggan (2)(c)(i) dan (2)(d)(ii) masing-masing dengan memotong perkataan “, tongkang atau baj”; dan